

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATIN LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR**  
**KETUA PENDAFTAR**  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**DI**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PKPMP**  
**BULAN JANUARI TAHUN 2016**

**5 JANUARI 2016 (SELASA)**  
**DEWAN BANQUET**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Puan Rohani binti Ismail,

Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia,

Yang Berusaha Puan Norsharidah binti Awang,

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia,

Yang Berusaha Tuan Aslam bin Zainuddin,

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya,

Yang Berusaha Puan Sabariah binti Othman,

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya,

Yang Berusaha Puan Normah binti Sheikh Abdullah,

Pengarah Bahagian Pengurusan,

Ketua-Ketua Bahagian dan Unit,

dan seterusnya

Pegawai-pegawai dan Kakitangan warga PKPMP yang saya kasihi sekalian.

## **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalaamu'alaikum wa rahmatullah wabarakatuhu.

Selamat pagi dan Salam 1 Malaysia,

## **PENGENALAN**

1. Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin serta limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama hadir dan berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan PKPMP pada pagi ini sebagai pembuka tirai tahun 2016.

## **UCAPAN SELAMAT TAHUN BARU**

2. Alhamdulillah , kita masih diberi nafas untuk melakari hidup dan mesyukuri nikmat yang diberikan sepanjang tahun 2015 dan dapat pula menempuh permulaan tahun baru 2016 yang berusia 5 hari pada pagi ini.

3. Sepertimana YBhg. Datin / Tuan / Puan sedia maklum, tahun 2015 telah pun melabuhkan tirainya dan meninggalkan kita. Pahit dan manis, suka dan duka, bangga dan kecewa serta kejayaan dan kegagalan telah kita lalui dan tempuh samada sebagai individu ataupun secara bersama diperingkat organisasi.

4. Semoga tahun 2015 memberikan pengalaman, pedoman, pengajaran dan panduan yang amat bernilai kepada kita bagi menghadapi cabaran yang akan kita hadapi pada tahun ini.

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

## **MEMPERKENALKAN DIRI**

5. Majlis ini merupakan yang pertama bagi diri saya bertemu dengan warga PKPMP di Istana Kehakiman setelah dilantik secara rasmi sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia berkuatkuasa 16 Disember 2015. Jika dihitung pada hari ini, adalah hari ke-21 saya menerima tanggungjawab yang amat berat untuk menerajui kepimpinan tertinggi PKPMP.

6. Pelantikan ini merupakan satu amanah yang dipertanggung jawabkan kepada saya dan saya sedar saya bukanlah orang yang terbaik untuk jawatan ini, walau bagaimanapun saya akan cuba untuk melaksanakan tanggungjawab yang berat ini sebagai pemimpin, bukan untuk saya mencapai Visi dan Misi PKPMP tetapi juga menjaga kebajikan Warga PKPMP di semua peringkat.

## **UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN KETUA PENDAFTAR**

7. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan sekalung ucapan terima kasih kepada YA Dato Roslan bin Haji Abu Bakar, mantan Ketua Pendaftar dan barisan kepimpinan yang lepas kerana telah mewariskan kepada kita sebuah organisasi yang mampan dan berada di landasan yang terbaik dalam menghadapi cabaran sektor awam tahun 2016. Sekalung tahniah juga kepada YA Dato Roslan bin Haji Abu Bakar atas pelantikan beliau sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 16 Disember 2015.

## **PENGENALAN PASUKAN PENGURUSAN ATASAN YANG BARU**

8. Sebelum saya meneruskan ucapan, ingin saya memperkenalkan barisan pengurusan tertinggi yang bersama-sama saya menerajui PKPMP mulai 16 Disember 2015.

- (a) Puan Rohani binti Ismail  
Timbalan Ketua Pendaftar
- (b) Puan Norsharidah binti Awang  
Pendaftar Mahkamah Rayuan
- (c) Tuan Aslam bin Zainuddin  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

- (d) Tuan Ismail bin Ibrahim  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah Sarawak  
*(Beliau tidak dapat bersama kita pada hari ini)*
- (e) Puan Sabariah binti Othman  
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
- (f) Puan Normah binti Sheikh Abdullah  
Pengarah Bahagian Pengurusan
- (g) Puan Rozi binti Bainon  
Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
- (h) Tuan Che Wan Zaidi bin Wan Ibrahim  
Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

9. Saya berharap agar kepimpinan yang baru ini dapat terus bekerja dalam satu pasukan yang akan membawa PKPMP ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Walaupun kekangan kewangan pada tahun 2016 kita sama-sama cuba memainkan peranan optimum masing-masing untuk menaikkan imej kehakiman.

10. Saya juga berharap Pengurusan Atasan yang baru ini akan menerima kerjasama dan sokongan penuh daripada semua

peringkat di PKPMP, Insya-Allah.

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

## **BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN**

11. Perkara pertama yang saya ingin tekankan di dalam ucapan sulung saya selaku Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada pagi ini adalah berkenaan “Teamwork”.
  
12. “Teamwork” merupakan motto yang saya bawa sejak menjadi Pengarah Mahkamah Selangor sehinggalah Pendaftar Mahkama Rayuan.
  
13. Kerja berpasukan merupakan salah satu prasyarat penting bagi membina kesatuan demi mencapai kejayaan. Sehebat mana sekalipun seseorang itu melakukan kerja, dia pasti memerlukan bantuan serta gandingan bahu rakan dan sahabat kerja.
  
14. Kerja yang diaturkan oleh sebuah pasukan tentunya lebih baik berbanding daripada dilakukan secara bersendirian, dari segi kualiti mahupun kuantiti. Melalui kerja berpasukan,

matlamat dan misi organisasi akan dapat dicapai secara lebih menyeluruh dan berkesan. Kerja berpasukan yang lebih baik juga akan mengurangkan masalah pembaziran tenaga dan meningkatkan semangat serta daya motivasi di kalangan anggota sesebuah Organisasi.

15. Kata pepatah, Berat sama dipikul, Ringan sama dijinjing. Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat. Besar harapan saya, agar semangat kerja berpasukan ini dapat dijadikan tunggak dan azimat dalam menjalankan tanggungjawab harian semua warga di PKPMP.

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

## **PERUNTUKAN KEWANGAN PKPMP DAN LANGKAH BERJIMAT CERMAT**

16. Saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan kewangan PKPMP dan langkah berjimat cermat.

17. Kedatangan tahun 2016 hadir bersama kebimbangan rakyat terhadap keadaan ekonomi berikutan kesan kenaikan kos

sara hidup dan peningkatan harga barang dalam kehidupan harian. Sesungguhnya, senario yang sama akan turut dihadapi dalam pengurusan sektor awam terutamanya di PKPMP.

18. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2016, peruntukan yang diluluskan untuk PKPMP adalah sebanyak RM 385.5 juta. Jumlah ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM13 juta berbanding peruntukan yang kita terima pada tahun 2015. Oleh yang demikian saya ingin mengingatkan kita semua tentang keperluan untuk berbelanja secara berhemah dan mengamalkan Langkah Penjimatan Selaras Dengan Pekeliling 1PP Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam antaranya seperti berikut:

- a. Mengutamakan Perbelanjaan-Perbelanjaan Komited;
- b. Kawalan Pelaksanaan Majlis/Seminar/Pameran/Kursus;
- c. Mengawal Kerja Lebih Masa;
- d. Kawalan Perbelanjaan Bekalan Pejabat; dan
- e. Kawalan Perbelanjaan Luar Negara Atas Urusan Rasmi

19. YAB Perdana Menteri dalam setiap mesyuarat yang dihadiri oleh Ketua Jabatan Persekutuan juga sering memberi penekanan

kepada kawalan belanja mengurus yang perlu dikurangkan dan mesti dilaksana secara berhemah. Perkara ini hendaklah diambil secara serius oleh setiap warga PKPMP.

20. Sehubungan dengan itu, semua warga PKPMP perlu memainkan peranan terutamanya bagi menjayakan penjimatan kos operasi Mahkamah di Istana Kehakiman. Penjimatan secara bijak dan berhemah diharapkan, dapat dijadikan budaya di kalangan warga PKPMP sekalian. Contohnya menutup lampu dan komputer pada waktu rehat dan pastikan tiada pembaziran elektrik yang tidak menentu. Secara tidak langsung tindakan ini dapat menjimatkan kos operasi Mahkamah di Istana Kehakiman. Untuk rekod, secara purata kita membelanjakan sebanyak RM 200 ribu sebulan bagi bil elektrik dan RM 10 ribu sebulan bagi pembayaran bil air di Istana Kehakiman.

## **INTEGRITI DAN DISIPLIN**

21. Pada pagi ini saya juga ingin menegaskan mengenai isu integriti. Pepatah Melayu ada mengatakan, "Tegak rumah kerana sendi, runtuh sendi rumah binasa, sendi bangsa ialah budi, runtuh budi runtuallah bangsa". Integriti menjadi indikator terpenting dalam aspek keperibadian kakitangan awam yang memegang amanah rakyat tidak mengira diperingkat mana.

22. Berkaitan dengan disiplin pula, ianya merupakan satu prasyarat Kakitangan Awam. Disiplin bukan hanya bermakna mematuhi peraturan tetapi meliputi pengurusan masa, menyiapkan kerja dalam tempoh yang singkat, pematuhan etika kerja, etika berpakaian, etika berkomunikasi sesama penjawat awam dan hormat menghormati di antara satu sama lain.

23. Hanya dengan disiplin yang tinggi, kita dapat menghasilkan kecemerlangan dalam apa jua tindakan yang kita laksanakan. Mereka yang mempunyai disiplin yang tinggi selalunya akan berjaya dalam hidup. Memetik hadith Rasullullah s.a.w.:

“Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang mu'min yang bekerja dengan giat”.

(HR. Imam Tabrani, dalam Al-Mu'jam Al-Ausht VII/380)

24. Secara tidak langsung hadith ini menerangkan tiada tangguhan dalam pekerjaan dan bekerja bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki yang halal.

YBhg. Datin / Tuan / Puan,

## **PEKELILING DAN DASAR-DASAR BERKAITAN PENJAWAT AWAM**

25. Sebagai penjawat awam juga kita hendaklah sentiasa peka dengan segala pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebagai contoh pada akhir tahun 2015, Pekeliling Bilangan 7 Tahun 2015 telah dikeluarkan berkaitan Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam. Melalui pekeliling ini, pihak kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan untuk mengeluarkan pegawai berprestasi rendah daripada Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan dasar ini adalah merujuk kepada pegawai yang penilaian prestasi terkini berada pada tahap kurang daripada 60% walaupun prestasi tahun-tahun sebelumnya melebihi 60%. Dasar ini akan dilaksanakan melalui penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di bawah peraturan 49 P.U. (A) 395/1993 dan kemudian dibersarakan. Saya yakin tiada warga PKPMP yang akan terjatuh dalam kategori ini dan mengekalkan kecemerlangan dalam setiap kerja yang dilakukan.

## **MODAL INSAN**

26. Saya sangat menggalakkan pembangunan modal insan dan pembelajaran tanpa had umur. Selaras dengan ini, pihak kerajaan juga telah meminda had umur bagi permohonan cuti belajar bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah lanjutan melalui surat edaran JPA bertarikh 2 November 2015. Melalui pindaan ini had umur maksimum telah dinaikkan daripada 43 tahun kepada 45 tahun bagi peringkat Ph.D dan daripada 45 tahun kepada 50 tahun bagi peringkat Sarjana. Dengan pindaan ini saya berharap agar ianya dapat memberikan ruang dan peluang kepada YBhg. Datin / Tuan / Puan untuk melanjutkan pengajian bagi membangunkan kompetensi diri masing-masing.

27. Kursus juga akan disediakan pada tahun 2016 untuk semua peringkat bagi mencapai 7 hari setahun berkursus bagi setiap kakitangan. Perkara ini adalah penting untuk pertimbangan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan segala cadangan adalah diharapkan daripada semua peringkat bagi memastikan sasaran 7 hari berkursus dapat dicapai.

## **MAJLIS-MAJLIS PENTING**

28. Dikesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan kepada semua bahawa PKPMP akan menganjurkan beberapa majlis dalam masa singkat ini iaitu:

- (a) Forum Sempena Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2016 pada 7 Januari 2016;
- (b) Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2016 pada 8 Januari 2016;
- (c) Persidangan Majlis Hakim-Hakim Seluruh Malaysia Kali ke 50 pada 7 – 10 Januari 2016; dan
- (d) English and French Day pada 29 Januari 2016

29. Saya ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan khususnya AJK yang telah dilantik supaya dapat memberikan sepenuh komitmen untuk memastikan kelancaran penganjuran majlis-majlis tersebut dan semoga majlis dapat berjalan dengan lancar dan cemerlang. Insya-Allah.

## **PENUTUP**

30. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan yang telah menguruskan segala persiapan Majlis Perhimpunan Bulanan PKPMP kali ini

dengan jayanya dan saya Sudah dengan petikan hadith Rasullullah s.a.w.:

“Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang hamba yang apabila ia bekerja, dia itqan (menyempurnakan) pekerjaannya”

(HR. Imam Tabrani, dalam Al-Mu'jam Al-Aushth VII)

Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum,  
Warahmatullahi, wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**PENGURUSAN TERTINGGI PEJABAT KETAU PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
*TOP MANAGEMENT OF THE CHIEF REGISTRAR'S OFFICE, FEDERAL COURT OF MALAYSIA*



**Datin Latifah binti Haji Mohd Tahar**  
Ketua Pendaftar  
Chief Registrar

**Sabariah binti Othman**  
Pendaftar Mahkamah Rendah Melayu  
Registrar of the Subordinate Court of Malaya

**Aslam bin Zainuddin**  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Melayu  
Registrar of the High Court of Malaya

**Normah binti Sheikh Abdullah**  
Pengarah Pengurusan  
Director of Management

**Rohani binti Ismail**  
Timbalan Ketua Pendaftar  
Deputy Chief Registrar

**Ismail bin Brahim**  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Registrar of the High Court of Sabah & Sarawak

**Norsharidah binti Awang**  
Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Registrar of the Court of Appeal